



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

## **MENJEJAK IMPIAN, MEMBINA MASA DEPAN: KEMBARA KERJAYA MADANI S.P.A JOHOR BAHRU**

---

**JOHOR BAHRU, 1 November 2025** – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah mengadakan Program Kembara Kerjaya MADANI S.P.A Johor Bahru bertempat di Galeria@Kotaraya, Johor Bahru pada hari ini. Dalam program tersebut, YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) telah mengadakan sesi *walkabout* bersama-sama Ahli Suruhanjaya dan Pengurusan Tertinggi SPA.

Program ini bertujuan memberi peluang kepada masyarakat, khususnya pencari kerja di sekitar negeri Johor dan kawasan berdekatan untuk mendapatkan maklumat serta peluang pekerjaan dalam sektor awam. Penganjuran kali ini berjaya menarik lebih 1,000 orang pengunjung, melebihi sasaran yang ditetapkan dengan pelbagai pengisian informatif dan interaktif.

Antara aktiviti utama yang dijalankan dalam program ini termasuk khidmat konsultasi SPA mengenai proses pengambilan ke perkhidmatan awam, semakan status permohonan dan pembukaan akaun Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA9), serta sesi perkongsian panduan temu duga oleh Ahli-Ahli Suruhanjaya. Turut diadakan taklimat kerjaya oleh pegawai-pegawai dari SPA dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memberi peluang kepada peserta memahami laluan dan prospek kerjaya dalam perkhidmatan awam.

SPA terus komited dalam menambah baik perkhidmatan kepada masyarakat di mana buat julung kalinya, Kembara Kerjaya MADANI kali ini telah mengadakan temu duga bersasar bagi jawatan Jururawat Gred U5 lantikan KKM. Kumpulan sasar bagi inisiatif ini adalah calon yang mempunyai kelayakan Diploma Kejururawatan yang diiktiraf Kerajaan akan

dipanggil menduduki Penilaian Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) - Ujian Psikometrik sebelum dipanggil ke temu duga. Oleh itu, lebih 100 orang calon yang melepasi skor PSEE telah dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga di Pusat Temu Duga Johor Bahru di lokasi sama program Kembara Kerjaya MADANI berlangsung.

Karnival Kerjaya MADANI S.P.A Johor Bahru turut melibatkan pempamer yang terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Penjara Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) dan MyDigital ID. Penyertaan pelbagai agensi ini memberi lebih ruang kepada pengunjung untuk mendapatkan maklumat secara langsung berhubung peluang kerjaya, sistem perkhidmatan, serta inisiatif digital kerajaan yang sedang dilaksanakan.

Justeru, ia merupakan platform memperkukuh strategi dalam menyebarkan maklumat perkhidmatan SPA dan rakan strategik pempamer yang terlibat bagi memastikan penyampaian berkesan kepada masyarakat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai keterangkuman, kesejahteraan dan kemampanan, ke arah memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam negara.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
**1 NOVEMBER 2025**